

02 APR 1996

Mahathir-PNG

MALAYSIA ALU USAHA PNG UNTUK ERATKAN HUBUNGAN DENGAN ASIA TENGGARA

KUALA LUMPUR, 2 April (Bernama) -- Malaysia menyambut baik usaha Papua New Guinea untuk mengeratkan hubungan antara negara-negara kepulauan Pasifik Selatan dan rantau Asia Tenggara, terutama Asean, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini.

Malaysia yakin ia akan membawa faedah kepada kedua-dua pihak kerana potensi bagi kerjasama antara Asia Tenggara dan rantau Pasifik Selatan sangat luas, katanya.

Beliau berkata Malaysia gembira dengan sambutan positif dari Papua New Guinea dan negara-negara kepulauan Pasifik Selatan yang lain dan dasar "Pandang ke Utara" Papua New Guinea merupakan satu sumber galakan.

"Bukti terbaik kerjasama itu adalah kehadiran 3,000 rakyat Malaysia yang kini menetap dan bekerja di negara-negara kepulauan Pasifik Selatan, terutama di Papua New Guinea," katanya dalam ucapan pada jamuan meraikan Perdana Menteri Papua New Guinea Sir Julius Chan di Seri Perdana di sini.

Sir Julius tiba semalam untuk lawatan rasmi enam hari, dengan diiringi isterinya Lady Stella dan rombongan 60 anggota terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan dan ahli perniagaan.

Dr Mahathir berkata kerjasama itu merupakan satu manifestasi nyata mengenai kerjasama Selatan-selatan dan semangat keusahawanan sektor korporat Malaysia.

Beliau berkata: "Saya bangga melihat mereka kini mempelbagaikan usaha ke dalam bidang lain seperti pertanian, infrastruktur, perumahan dan pelbagai industri pembuatan dan perkhidmatan setelah berjaya dalam aktiviti berkaitan sumber perikanan.

"Terdapat keyakinan dan skop yang luas untuk mengadakan perkongsian dalam bidang-bidang lain."

Dr Mahathir berharap penyertaan ahli-ahli perniagaan Malaysia dalam pembangunan Papua New Guinea dan bantuan yang ditawarkan mengikut Program Kerjasama Teknikal Malaysia akan berguna dalam memenuhi keperluan kerajaan Papua New Guinea.

Malaysia mungkin tidak dapat menyediakan bantuan dalam bentuk geran dan pinjaman tetapi ia dapat menyumbang daripada segi pelaburan, perkongsian kepakaran dalam bidang-bidang tertentu dan kesanggupan untuk bekerja sebagai rakan sama rata, katanya.

Dr Mahathir berkata beliau telah meminta sektor swasta Malaysia untuk mengadakan hubungan jangka panjang dan mematuhi adat, peraturan dan amalan masyarakat tempatan.

"Kejayaan mereka sangat penting dalam menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia yang mempunyai kepakaran dan modal untuk menceburi ke dalam bidang-bidang lain dengan lebih besar," katanya.

Beliau juga berkata Malaysia sedar bahawa usahawannya mungkin hanya dapat mencapai kejayaan sederhana dan sekadar melengkapkan peranan kerajaan Papua New Guinea.

"Saya gembira kerana syarikat-syarikat Malaysia kini menyediakan peluang pekerjaan kepada kira-kira 20,000 rakyat Papua New Guinea.

"Kami percaya usahasama yang sudah terjalin akan membantu memperluaskan skop perhubungan kita," katanya.

Dr Mahathir yakin dengan persefahaman yang lebih baik antara satu sama lain, cabaran-cabaran yang dihadapi di masa depan dapat diatasi dengan mudah dan kedua-dua negara dapat memaksimumkan pelbagai peluang untuk mengukuhkan hubungan.

Sementara itu, Sir Julius mencadangkan supaya Malaysia dan Papua New Guinea mengadakan hubungan dua hala secara terus di peringkat tertinggi.

Beliau berkata dengan adanya hubungan terus seperti itu, Papua New Guinea boleh bekerjasama secara terus dengan Malaysia dalam menggalakkan hubungan lebih erat antara kedua-dua pertubuhan serantau, Asean dan Forum Pasifik Selatan.

"Sebagai pemimpin Forum Pasifik Selatan, Papua New Guinea mempunyai tanggungjawab untuk meningkatkan hubungan dua hala antara kedua-dua rantau," katanya.

Beliau berkata kedua-dua pertubuhan itu mempunyai kekuatannya sendiri yang boleh dikembangkan untuk manfaat negara-negara Asia Tenggara dan Pasifik Selatan.

Mengenai peluang pelaburan di Papua New Guinea, Chan berkata kerajaannya akan menyediakan suasana persekitaran dan infrastruktur untuk menarik pelabur asing.

Sir Julius berkata Papua New Guinea memerlukan pelaburan, kepakaran dan bantuan latihan Malaysia untuk pembangunannya.

Beliau berkata Malaysia boleh melabur dalam empat bidang -- perhutanan, pertanian, petroleum dan gas, dan sektor galian yang mempunyai prospek yang cerah.

Beliau berkata beliau kagum dengan kesungguhan Malaysia dalam mencapai objektif Wawasan 2020.

Yang hadir pada jamuan itu ialah Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik. -- BERNAMA
HS AKD